

Bakar bendera tak cerminkan sikap Indonesia

Oleh
**ROZAMAN ISMAIL, NOR
AZIAH JAAFAR dan NIK
KHUSAIRI IBRAHIM**

PULAU PINANG 27 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbuatan membakar Jalur Gemilang oleh segelintir rakyat negara itu di luar Kedutaan Malaysia di Jakarta kelmarin tidak mencerminkan sikap Kerajaan Indonesia terhadap negara ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri percaya, tindakan tersebut dilakukan oleh segolongan kecil penduduk yang tidak bertanggungjawab.

"Ini bukan tindakan dari-

padn kerajaan Indonesia tetapi daripada satu kumpulan yang ekstrem sahaja.

"Penduduk Indonesia ada 220 juta orang. Daripada jumlah itu sudah tentu ada scbilnngan kecil yang tidak bertanggungjawab," katanya selepas meraikan sambutan ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan segolongan penduduk Indonesia yang membakar Jalur Gemilang di luar Kedutaan Malaysia di Indonesia bagi memban-tah dasar baru Kuala Lumpur yang mengcnakan hukuman sehat ke atas warga Indonesia yang bekerja secara haram di negara ini.

Para penunjuk perasaan itu melaungkan kata-kata 'Jatuhkan Kerajaan Malaysia' manakala segelintir yang lain pula bertindak membakar bendera negara Malaysia.

Dr. Mahathir mengang-gap perbuatan itu dilakukan dalam keadaan 'gampang' menurut bahasa Indonesia.

Ditanya sama ada tindakan rakyat Indonesia itu disebabkan dasar baru Malaysia yang lebih keras terhadap pendatang asing, beliau berkata, undang-undang yang sama turut diamalkan di negara lain dan bukannya Malaysia sahaja.

Malah, kata beliau, beberapa negara lain turut me-

laksanakan undang-undang yang tegas terhadap pendatang asing termasuk rakyat Indonesia.

Beliau seterusnya menasihatkan rakyat Malaysia agar tidak berkunjung ke Indonesia buat masa ini

sehingga keadaan menjadi benar-benar selamat.

"Kita telah meminta Menteri Luar (Datuk Seri

Syed Hamid Albar) agar menasihati rakyat Malaysia jangan pergi ke sana (Indonesia) buat masa ini, jelasnya.